

17/01/1997

492 projek di Kedah diklasifikasi semula

ALOR STAR, Khamis - Semua 492 projek dalam pelaksanaan di Kedah akan diklasifikasi semula mengikut lokasi dan diawasi oleh pelbagai pihak termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Selain JKKK, projek terbabit juga akan diawasi oleh jawatankuasa daerah membabitkan pegawai daerah, Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid berkata, Adun akan mempunyai laporan mengenai semua projek di kawasan masing-masing dan mesti mengetahui setiap perkembangan projek untuk dilaporkan kepada kerajaan.

JKKK juga perlu melaporkan perkembangan projek di kampung masing-masing kepada Unit Pembangunan Negeri di Universiti Utara Malaysia (UUM) yang seterusnya disalurkan ke pejabat Menteri Besar.

"Menerusi kaedah pengurusan melalui kamera, mereka terbabit akan merakam gambar projek berkenaan dan dimasukkan dalam laporan masing-masing.

"Ia sekali gus membentuk satu pengawasan lengkap terhadap semua projek yang sedang dilaksanakan. Ini adalah satu tindakan susulan terhadap semua projek kerana ketiadaan tindakan susulan dan pengawasn dikenal pasti sebagai punca kelewatan projek," katanya hari ini.

Sanusi juga berkata Kedah akan menyenarai hitam kontraktor pembinaan yang gagal menyiapkan projek di negeri ini bagi memastikan semua projek pembangunan yang membabitkan kepentingan awam siap mengikut jadual.

Selain itu, kontraktor yang mempunyai banyak projek tetapi lewat menyiapkannya mengikut jadual, tender baru yang telah diluluskan akan digantung sementara sehingga kerajaan berpuas hati terhadap kerja mereka.

Mengenai cadangan pembinaan landasan kereta api laju di Kedah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, Sanusi berkata, beliau telah meminta Ahli Exco yang terbabit dalam potfolio pengangkutan mengkaji perkara itu.

"Kita bersetuju dengan cadangan itu kerana ia adalah projek berdaya maju. Antaranya projek itu dapat mempercepatkan pergerakan pekerja antara Kedah dengan Seberang Prai di Pulau Pinang.

"Selain itu masalah pengangkutan menggunakan van juga akan diatasi," katanya.

Dalam lawatan Dr Mahathir ke Kedah, minggu lalu beliau mencadangkan pembinaan landasan kereta api laju kerana tanah rata dan tidak berbukit di negeri ini memudahkan pembinaan landasan seumpama itu serta dapat meningkatkan industri pelancongan serta sistem pengangkutan.

(END)